

Dua pelajar PhD UMS raih kemenangan peringkat antarabangsa

Oleh Yap Slong Han

UB 01.09.2021 P. 02

KOTA KINABALU: Dua pelajar peringkat Doktor Falsafah (PhD) Universiti Malaysia Sabah (UMS) meraih kemenangan peringkat antarabangsa dalam 'ESL Online International Summer Course' anjuran Universiti Institut Pertanian Bogor Indonesia pada 9 sehingga 27 Ogos lalu.

Pelajar Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Sains Perhutanan di Fakulti Perhutanan Tropika (FPT) UMS Jacqueline Joseph dinobatkan sebagai juara Podcast bagi Kategori Individu dengan tajuk 'Living with Climate Change: Convincing the Sceptics'.

Beliau turut memenangi tempat kedua dalam Penulisan Jurnal Pembelajaran bagi Kategori Pascasiswazah bertajuk 'Post COVID-19 Era: Impetus to Resilient Plans for Sustainable Climate Change Adaptation'.

Kejayaan itu sekali gus membolehkan Jacqueline dianugerahkan naib johan dalam kalangan lima peserta terbaik pada pertandingan itu yang dianjurkan secara maya.

Seorang lagi peserta UMS, Daniel James turut mengukir pencapaian manis apabila muncul juara dalam Penulisan Jurnal Pembelajaran Pascasiswazah melalui tajuk 'Our Actions Today: Our Future Tomorrow'.

Beliau turut menjadi juara



JACQUELINE

dalam Podcast kategori berkumpulan melalui penyertaan bersama peserta Filipina dan Indonesia.

Mereka mengenyepikan kumpulan lain melalui tajuk Podcast, 'Economic Development: Friends or Enemy of mother Nature'.

Pencapaian itu membawa Daniel yang juga pelajar PhD di FPT UMS untuk dinobatkan sebagai pemenang tempat ketiga dalam kalangan lima peserta terbaik 'ESL Online International Summer Course'.

Sementara itu, Jacqueline ketika dihubungi berkata, beliau tidak menyangka atas pencapaian yang diperolehi memandangkan persaingan yang sengit daripada kalangan peserta antarabangsa.

"Saya mengambil pendekatan untuk mencabar keberanian diri menyuarakan pendapat melalui media podcast bagi mengetengahkan isu-isu berkaitan perubahan



DANIEL

iklim dunia sebagai kesedaran kepada orang ramai.

"Pada masa yang sama, saya juga telah menanam tekad mahu mengharumkan nama Malaysia khususnya UMS di peringkat antarabangsa.

"Tanpa disangka, saya diumumkan untuk meraih beberapa kemenangan, dan begitu juga dengan rakan saya Daniel.

"Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan, khususnya kepada UMS dan Fakulti Perhutanan Tropika. Kejayaan ini adalah kejayaan kita semua," katanya.

Bertemakan 'Reducing Carbon Footprints Lesson Learned for Post COVID-19 World', pertandingan dalam bentuk kursus itu disertai 29 universiti dari 13 negara termasuk Australia, Rusia, Haiti, Filipina, Bangladesh, Pakistan, Indonesia, dan Nigeria.